

Headline	Mahu terus jaga ibu		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	09 Feb 2013	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	37	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	530 cm ²
Journalist	Maria Uffa Zulkafeli	AdValue	MYR 19,574
Frequency	Daily	PR Value	MYR 58,723



'Mahu terus jaga ibu'

■ Anak berat hati mahu sambung pelajaran di sekolah

Oleh Maria Uffa Zulkafeli
am@hmetro.com.my
Alor Setar

"Saya berat hati meneruskan pengajian di Ma'ahad as-Syatirie, Sungai Dedap, Yan, buat masa ini kerana masih buntu memikirkan siapa akan menjaga ibu nanti," kata Mohd Ikhlas Abu Bakar, 14, anak bongsu kepada Rabiah Baser, 56, ibu tunggal yang menderita sakit reput tulang.

Mohd Ikhlas berkata, pihak sekolah dimaklumkan mengenai perkara itu dan dia diberi cuti bagi menjaga ibunya yang memerlukan penjagaan rapi.

Dua abangnya, Amar, 26, kini menuntut di Universiti Kuala Lumpur (UniKL) Lumut, Perak, manakala Mohd Asyid, 21, penuntut Madrasah An-Noor di Afrika Selatan akan berangkat ke negara itu 1 Mac depan bagi menyertai majlis konvokeyen pada 17 Mac dalam bidang Alim Kitab peringkat ijazah.

"Saya bantu dan tidak dapat berfikir apa-apa buat masa ini. Saya ingin menjaga ibu sepanjang masa sehingga dia benar-benar sembuh walaupun tidak tahu bila ibu akan pulih.

DR Rozmey sebak

Alor Setar: Penderitaan Rabiah Baser, 56, yang menghidap penyakit reput tulang mendapat perhatian orang ramai yang bersimpati dengannya yang kini terlantar di Hospital Alor Setar (HAS), di sini.

Ramai yang mengunjungi Rabiah sambil menghulurkan sumbangan, bersimpati dengan keadaannya serta nasib dua anaknya, Mohd Asyid Abu Bakar, 21, yang cacat penglihatan manakala Mohd Ikhlas Yahya, 14, sanggup berhenti sekolah bagi menjaga ibunya.

Tidak ketinggalan Presiden dR Rozmey Group (DRG), Datuk Dr Che Rozmey Che Din yang turut menziarahi wanita malang yang hidup serba miskin itu.

Beliau yang tidak dapat menahan sebak melihat

keadaan Rabiah, menyampaikan sumbangan RMI,000 kepada anak wanita itu, Mohd Asyid untuk kegunaan mereka. "Kami turut menaja produk syarikat kami iaitu dRQ10 dan dR-II untuk Rabiah dan produk penjagaan mata, dR8 untuk Mohd Asyid.

"Saya sedih dengan keadaannya dan memberi bantuan bulanan RM300 bagi meringankan beban mereka," katanya di HAS, di sini, kelmarin.

Rabiah dengan nada gembira melahirkan ke syukuran kerana Dr Che Rozmey sanggup datang melihat keadaannya.

"Walaupun tidak dapat melihat wajahnya (Dr Che Rozmey), saya terharu apabila jutawan sanggup datang melihat saya dalam keadaan begini," katanya.

"Rutin harian saya kini menjaga ibu, membersihkan nanah berulat pada tubuhnya sejak dua bulan lalu.

"Saya sedih dengan apa yang menimpa ibu, namun perlu kuat untuk menjaganya supaya dia sembuh," katanya selepas menerima kunjungan rombongan Wanita Umno Bahagian Alor Setar dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Kedah, di Hospital Alor Setar (HAS), di sini.

Rabiah dimasukkan ke HAS pada 5 Februari lalu bagi rawatan.

Sementara itu, Ketua Wanita Umno Bahagian Alor Setar Sharifah Maznah Syed Kassim Barakbah berkata, pihaknya dimaklumkan Rabiah yang menetap di Flat Simpang Kuala memerlukan rumah sewa di aras bawah flat berkenaan bagi memudahkan pergerakannya.

Katanya, wanita cawangan dan jawatankuasa Kemaju-



SHARIFAH Maznah melawat Rabiah yang terlantar sakit reput tulang di Hospital Alor Setar sambil anaknya, Mohd Ikhlas (kiri).

FOTO: SHARIL HAFIZ ZAM

an, Keselamatan dan Kampong Persekutuan (JKKKP) kawasan itu membantu mendapatkan rumah sewa untuk keluarga itu dalam masa terdekat.

"Kami mengarahkan Skuad Sayang Wanita Umno Bahagian ke kawasan rumah Rabiah untuk bergotong-royong membersihkan rumah sewa baru itu," katanya.

Dalam perkembangan sama, Pengarah JKM Kedah Zulkifly Ramli berkata, pihaknya mengesan keluarga terdekat Rabiah bagi membolehkan urusan penjagaan dibuat dengan lebih teratur selepas ini memandangkan Mohd Ikhlas perlu meneruskan persekolahan seperti pelajar lain.

Katanya, JKM meminta ahli

keluarga terdekat Rabiah tampil menghubungi pihaknya menerusi talian 04-7001707 atau menghubungi beliau di talian 019-4548501.

"Kami harap dengan cara ini anak bongsu Rabiah boleh meneruskan pengajian di sekolah pondok di Yan, tanpa perlu memikirkan siapa perlu menjaga ibunya," katanya.